

Headline	PERJELAS KEKELIRUAN		
MediaTitle	Metro Ahad	Language	Malay
Date	12 May 2019	Readership	362,937
Circulation	120,979	Page No	17
Section	Setempat	Journalist	Mohd Hilmie
ArticleSize	525 cm²		
PR Value	RM 61,809		



NUR Qaseh Umairah perlu memakai mesin bantuan pernafasan berikutan masalah paru-paru.

PERJELAS KEKELIRUAN

■ **Bantuan JKM kepada Nur Qaseh perlu diselesaikan sebaik mungkin**

Mohd Hilmie Hussin
mohdhilmie@hmetro.com.my

Melaka

Nasib Nur Qaseh Umairah Mohd Najib terus mendapat perhatian apabila Pengurus Jata Kawalan Masyarakat (JKM) negeri diketuai Pengarangnya, Burhanuddin Bachik, Penolong Setiausaha Bahagian Agihan Zakat Majlis Agama Islam Melaka (Maim), Mohd Rizalman Syed dan Setiausaha Jape-run Duyong, Muhammad Farhan Mahmud.

Turut bersama Adun Machap Jaya itu jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri diketuai Pengarangnya, Burhanuddin Bachik, Penolong Setiausaha Bahagian Agihan Zakat Majlis Agama Islam Melaka (Maim), Mohd Rizalman Syed dan Setiausaha Jape-run Duyong, Muhammad Farhan Mahmud.

Ginnie berkata, kekeliruan ditimbulkan Mohd Najib Bebet, 37, terhadap JKM perlu diperjelas dengan sebaik mungkin selepas bantuan kepada anaknya, Nur Qaseh Umairah berusia lima tahun dihentikan.

"Semakan JKM menunjukkan pendapatan isi ru-



GINNIE
mah keluarga Najib melebih had kelayakan garis kemiskinan iaitu RM3,000. Justeru, elaun pesakit terlantar dihentikan.

"Bagaimanapun, saya minta JKM dan agensi lain mencari jalan membantu keluarga ini kerana saya diafahamkan penjagaan ke atas Nur Qaseh Umairah membebaskan kos sangat tinggi terutama bil elektrik.

"Setakat ini setahu saya, bantuan daripada Maim masih diteruskan," kata Ginnie ketika ditemui di rumah Mohd Najib di Taman Seri Duyong 3, semalam.

Ginnie turut meminta Mohd Najib dan isterinya,

Nor Aini Raoh, 37, mendaftarkan Nur Qaseh Umairah sebagai kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) bagi membolehkannya mendapat kad terbabit.

Ini melayakkannya menyertai program Pemuliharaan Dalam Komuniti (PDK) yang membolehkan kanak-kanak berkenaan mendapat manfaat eluan.

Beliau menjelaskan kepada Mohd Najib, bantuan daripada mana-mana agensi kerajaan bersifat sementara. Setiap kali sebelum tarikh akhir pemberian eluan, pendapatan isi rumah akan diaudit semula.

Beliau juga akan berbincang dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari segi pengurangan kadar bill elektrik.

Mohd Najib sebelum ini memuat naik status di Facebooknya mengenai ketidakpuasan hati terhadap tindakan JKM Melaka menghentikan bantuan eluan sakit terlantar RM350 setiap bulan bermula Jun ini.

Dengan hanya isterinya bekerja sebagai guru, kos elektrik rumah berkenaan

mencecah hampir RM500 sebulan, kos susu lebih RM1,200 sebulan serta sewa mesin terapi RM400 sebulan manakala servis mesin terbabit mencecah RM600.

Kelman, JKM hadir ke rumahnya untuk memberi penjelasan mengenai perberhentian itu, malah semalam jabatan terbabit sekali lagi mengunjungi keluarga berkenaan.

Pengaruhnya, Burhanuddin berkata, sebagai penjawat awam, Nor Aini terpaksa kepada Pekelingiling Perkhidmatan bil 21 Tahun 2009.

"Mengikut Pekelingiling Perkhidmatan bil 21 Tahun 2009 (Peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan), keluarga itu tidak layak menerima bantuan JKM dan menjadi tanggungjawab ketua jabatan tempat isterinya berkerja menguruskan bantuan," katanya.

Mohd Rizalman berkata, bantuan makanan bulanan RM200 dan bantuan sakit kronik RM150 daripada Maim diteruskan hingga Jun 2020.